

MAHKAMAH TINGGI
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
JALAN RAJA
50506 KUALA LUMPUR.

Bil(58)dlm.JK/MA 38
Vol.IV
Tarikh: 1 Ogos, 1994

Semua Timbalan Pendaftar/
Penolong Kanan Pendaftar,
Bahagian Dagang dan Sivil,
Mahkamah Tinggi,
KUALA LUMPUR.

Tuan/Puan,

ARAHAN AMALAN NO.5 TAHUN 1994

Kes-Kes Perbicaraan Dalam Kamar Hakim
Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Bahagian Dagang dan Sivil)

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Saya telah diarah oleh Y.A.A. Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya untuk memaklumkan bahawa Y.A. Puan Rahmah bt. Hussain, Y.A. Tuan Low Hop Bing dan Y.A. Dato' Abdul Kadir bin Musa Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kehakiman, telah ditempatkan untuk bertugas di Mahkamah Tinggi (Jalan Raja) Kuala Lumpur. Mereka akan membantu untuk mendengar kes-kes perbicaraan dalam kamar bagi semua Mahkamah-Mahkamah Bahagian Dagang dan Sivil, yang didaftarkan selepas 3 Jun 1994 dan pembahagian mahkamah adalah seperti berikut:

<u>Pesuruhjaya Kehakiman</u>	<u>Mahkamah Tinggi</u>
Y.A. Puan Rahmah bt. Hussain	Dagang 1, 2 dan 3
Y.A. Tuan Low Hop Bing	Dagang 4, 5 dan Sivil 1
Y.A. Dato Abdul Kadir bin Musa	Sivil 2, 3, 4 dan 5.

3. Untuk tujuan tersebut, Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar bagi Mahkamah masing-masing hendaklah merujuk fail-fail berkenaan kepada Y.A. Puan Rahmah bt Hussain, Y.A. Tuan Low Hop Bing dan Y.A. Dato' Abdul Kadir bin Musa untuk dibicara oleh mereka melainkan semasa mereka tidak berada di Kuala Lumpur. Fail-fail berkenaan hendaklah diberikan kepada Y.A.-Y.A. selewat-lewatnya 3 hari sebelum tarikh perbicaraanya.

4. Untuk mengelakkan kes-kes perbicaraan dalam kamar ditangguhkan setelah kes-kes itu ditetapkan untuk perbicaraan pada tarikh mereka tiada di Kuala Lumpur, kes-kes sedemikian hendaklah dibicarakan oleh Y.A. Hakim berkenaan.


5. Kes-kes untuk perbicaraan dalam Kamar yang difailkan sebelum 3 Jun, 1994 dan kes-kes untuk perbicaraan di Mahkamah terbuka hendaklah terus didengar oleh Yang Arif-Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah berkenaan.

6. Arahan Amalan No. 34 Tahun 1994 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(ABD. AZIZ MOHD. ALI)
Pemangku Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara

Y.A.A. Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya

Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi,
Kuala Lumpur

Y.A. Puan Rahmah bt. Hussain

Y.A. Tuan Low Hop Bing

Y.A. Dato Abdul Kadir bin Musa

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur.